

# RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN TAMAN NEGERI PAHANG 2021

---

## SUSUNAN FASAL

---

### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### *Fasal*

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

### BAHAGIAN II

#### PERBADANAN

3. Penubuhan Perbadanan
4. Keanggotaan Perbadanan
5. Hilang kelayakan menjadi anggota
6. Meterai perbadanan
7. Mesyuarat dan kuorum
8. Elaun yang boleh dibayar kepada anggota Perbadanan
9. Percanggahan kepentingan

### BAHAGIAN III

#### PEGAWAI DAN PEKHIDMAT

10. Ketua Eksekutif
11. Pelantikan pegawai dan pekhidmat Perbadanan
12. Peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan dan tatatertib
13. Penggunaan tidak sepatutnya akan maklumat
14. Pehidmat awam

15. Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198]

#### BAHAGIAN IV TUJUAN DAN KUASA PERBADANAN

16. Kewajipan Perbadanan
17. Kuasa am Perbadanan
18. Kuasa untuk menubuhkan syarikat
19. Kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa

#### BAHAGIAN V KEWANGAN

20. Kumpulan Wang
21. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran
22. Aset yang tidak dibelanjakan
23. Pelaburan dan pinjaman
24. Aset boleh dilupuskan dengan persetujuan
25. Penyimpanan akaun
26. Penyiasatan akaun
27. Tahun kewangan dan akaun yang telah diaudit
28. Laporan Tahunan

#### BAHAGIAN VI PENUBUHAN TAMAN NEGERI

29. Penubuhan Taman Negeri
30. Penggunaan atau pekerjaan di Taman Negeri

#### BAHAGIAN VII PENGUATKUASAAN

31. Kuasa untuk menyiasat
32. Kuasa penangkapan
33. Memeriksa dan menyita dengan waran
34. Pencarian dan penyitaan tanpa waran
35. Kuasa memasuki premis
36. Akses kepada data berkomputer
37. Penyitaan barang-barang
38. Kuasa untuk menghentikan, mencari dan menyita kenderaan
39. Notis penyitaan
40. Pemulangan sementara barang yang disita
41. Kuasa untuk meminta kehadiran orang yang mengetahui kes
42. Pemeriksaan orang yang mengetahui kes
43. Kebolehterimaan keterangan
44. Pelucutan hak Spesis Terjadual yang disita
45. Kuasa tambahan
46. Pengkompaunan kesalahan
47. Pendakwaan
48. Kesalahan yang dilakukan oleh suatu kumpulan orang
49. Kesalahan oleh pekongsi, ejen atau pekhidmat
50. Kesalahan dan penalti
51. Kebenaran penguatkuasaan

#### BAHAGIAN VIII

#### PELBAGAI

52. Perlindungan daripada guaman dan prosiding undang-undang
  53. Pengecualian
  54. Rizab Melayu
  55. Peraturan
  56. Pembubaran Perbadanan
- Jadual Pertama

## RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi menubuhkan Perbadanan Taman Negeri Pahang 2021 dan mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Badan Perundangan Negeri Pahang seperti yang berikut:

### BAHAGIAN I PERMULAAN

#### Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini boleh dirujuk sebagai **Enakmen Perbadanan Taman Negeri Pahang 2021**.

(2) Enakmen ini berkuat kuasa pada satu tarikh yang akan ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

#### Tafsiran

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Ahli Perbadanan" bermaksud mana-mana ahli Perbadanan yang disenaraikan di bawah seksyen 4;

"Dana" bermaksud Dana Perbadanan Taman Negeri Pahang yang ditubuhkan di bawah seksyen 20;

"Ketua Eksekutif" bermaksud Ketua Eksekutif yang dilantik di bawah seksyen 10 dan hendaklah termasuk mana-mana pegawai yang diarahkan di bawah subseksyen 10 (5) untuk menjalankan tugas Ketua Eksekutif;

"Pegawai" bermaksud Ketua Eksekutif, pegawai atau pekhidmat yang dilantik di bawah seksyen 11;

"Pengerusi" bermaksud Pengerusi Perbadanan dan termasuk Timbalan Pengerusi;

"Perbadanan" bermaksud Perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

"Spesis Terjadual" ertinya spesis yang terancam di dalam Jadual Ketiga, seksyen 3, Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686];

"tahun kewangan" bermaksud jangka masa dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember; dan

"Taman Negeri" bermaksud kawasan yang diisytiharkan sebagai Taman Negeri di bawah seksyen 29.

## BAHAGIAN II PERBADANAN

### **Penubuhan Perbadanan**

3. Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu Perbadanan dengan nama "Perbadanan Taman Negeri Pahang" yang akan mempunyai perwarisan kekal dan meterai, yang boleh mendakwa dan didakwa atas namanya, tertakluk kepada dan bagi maksud Enakmen ini boleh membuat kontrak dan boleh memperolehi, membeli, memegang dan menggunakan harta alih dan tak alih daripada segala jenis dan boleh memindah hak, menyerahkan hak, mendemis, menyerahkan, melepaskan, menggadai, menggadai janji, memajak, menyerahkan semula, memindah milik atau dengan jalan lain melupuskan atau membuat apa-apa urusan dengan mana-mana harta alih atau harta tak alih atau sebarang kepentingan yang dilaburkan dalam Perbadanan dengan terma-terma yang difikirkan sesuai.

### **Keanggotaan Perbadanan**

4. (1) Keahlian Perbadanan adalah seperti yang berikut—

(a) Menteri Besar sebagai Pengerusi atau mana-mana orang yang dinamakan oleh Menteri Besar;

- (b) seorang Timbalan Pengerusi yang dilantik oleh Menteri Besar;
- (c) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang memegang portfolio alam sekitar atau pelancongan;
- (d) Setiausaha Kerajaan Negeri;
- (e) Penasihat Undang-Undang Negeri;
- (f) Pegawai Kewangan Negeri;
- (g) Pegawai Pembangunan Negeri;
- (h) Pengarah Tanah dan Galian Pahang;
- (i) Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan);
- (j) Pengarah PERHILITAN Negeri;
- (k) Pengarah Perhutanan Negeri Pahang;
- (l) dua orang wakil Kerajaan Persekutuan; dan
- (m) lima orang wakil yang akan dilantik oleh Menteri Besar.

(2) Seseorang anggota Perbadanan hendaklah selain anggota yang dilantik atas jawatan, melainkan jika anggota Perbadanan itu terlebih dahulu meletak jawatan atau jawatannya digantikan oleh orang lain, memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan adalah layak dilantik semula:

Dengan syarat bahawa jika seseorang anggota meletakkan jawatan atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, seseorang lain boleh dilantik untuk menggantikannya bagi baki tempoh pelantikan anggota yang digantikan itu.

(3) Jika Pengerusi tidak boleh menjalankan tugasnya di bawah Enakmen ini disebabkan oleh penyakit, tiada di dalam Negeri atau kerana apa-apa sebab pun, tugasnya hendaklah dijalankan oleh Timbalan Pengerusi.

### **Hilang kelayakan menjadi anggota**

5. (1) Orang-orang berikut hendaklah hilang kelayakan daripada dilantik atau menjadi anggota Perbadanan—

- (a) jika dia disahkan sebagai seorang yang tidak siaman atau tidak mampu melaksanakan tugasnya;
- (b) jika dia diisytiharkan seorang yang tidak berkemampuan atau seorang bankrap atau membuat sesuatu penyelesaian dengan pemiutang; atau
- (c) seseorang yang telah didapati bersalah atas kesalahan yang melibatkan penipuan, ketidakjujuran atau kekacauan moral.

(2) Seorang anggota Perbadanan hendaklah selain anggota yang dilantik atas jawatan, hendaklah mengosongkan jawatannya jika dia gagal menghadiri mesyuarat Perbadanan tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran bertulis Pengerusi atau dia menjadi tidak layak di bawah subseksyen (1).

### **Meterai perbadanan**

6. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai apa-apa reka bentuk yang diluluskan oleh Perbadanan dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa, boleh dipecahkan, diubah atau dibuat yang baru sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

(2) Sehingga satu meterai diberikan oleh Perbadanan, satu cap yang bertuliskan "Perbadanan Taman Negeri Pahang" akan digunakan dan dianggap sebagai meterai perbadanan.

(3) Meterai perbadanan di bawah subseksyen (2) hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi dan akan disahkan olehnya atau oleh orang yang diberi kuasa oleh Perbadanan secara bertulis, dan semua akta, dokumen dan instrumen lain yang dimeteraikan dengan meterai tersebut, disahkan sebagai yang dinyatakan sebelumnya, kecuali jika sebaliknya disetujui, akan dianggap sah.

(4) Meterai perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

### **Mesyuarat dan kuorum**

7. (1) Perbadanan hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali di dalam tiap-tiap enam bulan.

(2) Kuorum Perbadanan pada mana-mana mesyuarat hendaklah sekurang-kurangnya tujuh anggota Perbadanan.

(3) Sekiranya jumlah undian atas setiap perkara sama, Pengerusi hendaklah memberi undi pemutus.

(4) Kecuali diputuskan sebaliknya oleh Perbadanan, Ketua Eksekutif hendaklah menjadi setiausaha mesyuarat Perbadanan.

(5) Tertakluk kepada subseksyen (1), (2) dan (3) Perbadanan bolehlah membuat prosedurnya sendiri.

### **Elaun yang boleh dibayar kepada anggota Perbadanan**

8. Maka bolehlah dibayar kepada seseorang anggota Perbadanan daripada Dana itu, termasuk elaun perjalanan dan sara hidup yang ditentukan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa tertakluk kepada had dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

### **Percanggahan kepentingan**

9. (1) Tiada seorang pun anggota Perbadanan boleh mempunyai apa-apa kepentingan, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui saudara-maranya, dari segi kewangan atau selainnya, dalam mana-mana skim, projek, perusahaan atau kontrak yang diusahakan atau dicadangkan untuk diusahakan oleh Perbadanan atau dalam apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Perbadanan sekiranya anggota itu mempunyai kepentingan, dia hendaklah dengan serta-merta terhenti daripada menjadi anggota Perbadanan.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi seseorang anggota berkenaan dengan kepentingannya dalam sesuatu syarikat atau badan lain yang dia telah dinamakan oleh Perbadanan sebagai wakilnya dan dalam hal di mana syarikat atau badan lain itu berada dalam kawalan atau separa kawalan Perbadanan.

BAHAGIAN III  
PEGAWAI DAN PEKHIDMAT

**Ketua Eksekutif**

10. (1) Perbadanan boleh, dengan kelulusan Menteri Besar, melantik seorang Ketua Eksekutif, yang ditetapkan sebagai "Ketua Eksekutif" dari kalangan pegawai yang dilantik di bawah seksyen 11 meletakkan padanya apa-apa kuasa dan mempertanggungjawabkan atasnya apa-apa kewajipan yang ditentukan oleh Perbadanan.

(2) Ketua Eksekutif hendaklah bertanggungjawab ke atas—

(a) penyediaan program, skim dan projek untuk pertimbangan Perbadanan;

(b) pelaksanaan semua program, skim dan projek Perbadanan; dan

(c) menjalankan keputusan Perbadanan.

(3) Ketua Eksekutif hendaklah mempunyai kuasa pengawalan am atas pegawai dan pekhidmat Perbadanan.

(4) Ketua Eksekutif hendaklah melaksanakan tugas selanjutnya sebagaimana yang diarahkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa.

(5) Jika Ketua Eksekutif tidak berada atau tidak berkeupayaan buat sementara di dalam Malaysia atau tidak berkeupayaan buat sementara disebabkan oleh kerana sakit atau kerana apa-apa sebab lain yang mencukupi untuk melaksanakan kewajibannya, Perbadanan boleh mengarahkan mana-mana pegawai lain untuk melaksanakan kewajipan Ketua Eksekutif dalam masa Ketua Eksekutif tidak ada atau tidak berkeupayaan buat sementara itu.

**Pelantikan pegawai dan pekhidmat Perbadanan**

11. (1) Tertakluk kepada mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 12, Perbadanan boleh melantik, dengan terma dan syarat yang difikirkannya wajar, pegawai dan pekhidmat yang diperlukan untuk melaksanakan tujuan Enakmen ini.

(2) Tiada seorang pun yang layak untuk diambil bekerja sebagai pegawai atau pekhidmat Perbadanan jika dia mempunyai, secara langsung atau tidak langsung, oleh dirinya sendiri atau pasangannya, apa-apa syer atau kepentingan dalam sesuatu kontrak atau cadangan kontrak dengan, untuk atau bagi pihak Perbadanan.

### **Peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan dan tata tertib**

12. (1) Perbadanan boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri Besar, membuat peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan dan tata tertib pegawai dan pekhidmat.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh termasuk peruntukan bagi—

(a) penahanan kerja dengan pengurangan gaji atau imbuhan lain; atau

(b) penggantungan kerja tanpa gaji atau imbuhan lain,

seseorang pegawai atau pekhidmat Perbadanan sementara menanti keputusan prosiding tata tertib.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah mewujudkan apa-apa kesalahan tata tertib dan mengadakan peruntukan mengenai apa-apa hukuman tata tertib yang difikirkan sesuai oleh Perbadanan, dan hukuman yang diperuntukkan sedemikian boleh meliputi pembuangan kerja atau penurunan pangkat.

(4) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah dalam menetapkan prosedur bagi prosiding tata tertib, memberikan peluang kepada orang yang terhadapnya prosiding tata tertib itu diambil membuat representasi sebelum keputusan diambil oleh Perbadanan atas pertuduhan tata tertib terhadap orang itu.

### **Penggunaan tidak sepatutnya akan maklumat**

13. Seseorang pegawai atau pekhidmat Perbadanan tidak boleh menggunakan apa-apa maklumat yang diperolehi oleh sebab kedudukannya sebagai pegawai atau pekhidmat Perbadanan untuk mendapatkan kelebihan

secara langsung atau tidak langsung bagi dirinya sendiri atau bagi mana-mana orang lain atau menyebabkan kerugian kepada Perbadanan.

### **Pekhidmat awam**

14. Semua anggota Perbadanan, pegawai dan pekhidmat Perbadanan hendaklah dianggap sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].

### **Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198]**

15. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Perbadanan atau terhadap Pengerusi, mana-mana anggota Perbadanan, pegawai, pekhidmat atau wakil Perbadanan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, kecuaiian atau keingkaran yang dilakukan atau dilakukan oleh Perbadanan atau seseorang dalam kapasiti tersebut.

## **BAHAGIAN IV TUJUAN DAN KUASA PERBADANAN**

### **Kewajipan Perbadanan**

16. Adalah menjadi kewajipan Perbadanan—

- (a) untuk mengenalpasti, memperkenalkan dan mempromosikan alam sekitar, sumber dan biodiversiti Taman Negeri Pahang;
- (b) membangun, memulihara dan memelihara sejarah, budaya, flora dan fauna Taman Negeri Pahang;
- (c) untuk memperluaskan dan mempromosikan program pendidikan dan pengetahuan mengenai warisan budaya dan sejarah Taman Negeri Pahang;
- (d) untuk menerbitkan atau menaja majalah berkala, buku kecil dan maklumat lain yang berkaitan dengan pembangunan Taman Negeri Pahang;
- (e) untuk menasihati Pihak Berkuasa Negeri mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan dasar umum mengenai pemeliharaan,

penggunaan, kawalan dan pengurusan serta pembangunan alam sekitar, sumber dan biodiversiti Taman Negeri Pahang;

- (f) untuk menyelaraskan pembangunan kediaman, perindustrian, komersial, kebudayaan dan seni serta aktiviti lain yang dikira untuk mempromosikan Taman Negeri Pahang;
- (g) untuk membantu, mengusaha, membangun dan menyelaraskan Taman Negeri Pahang;
- (h) untuk memulakan, mengatur, menyelaraskan dan mengawal aktiviti keselamatan Taman Negeri Pahang;
- (i) untuk mengurus, mentadbir dan mengawal Taman Negeri Pahang;
- (j) untuk mentadbir Dana bagi Taman Negeri Pahang; dan
- (k) untuk melakukan semua perkara lain atau apa-apa fungsi atau kewajipan Perbadanan sebagaimana perlu dilakukan.

#### **Kuasa am Perbadanan**

17. Tertakluk kepada peruntukan Enakmen ini, Perbadanan boleh—

- (a) memperoleh, memiliki, memajak, mengambil, memegang, membeli dan menggunakan harta alih dan harta tak alih dari segala jenis;
- (b) menjalankan atau menyebabkan untuk menjalankan kajian kebolehlaksanaan ekonomi pemeliharaan, penggunaan, kawalan dan pengurusan serta pembangunan alam sekitar, sumber dan biodiversiti Pahang;
- (c) menjalankan dan mempromosikan alam sekitar, sumber dan biodiversiti Pahang di dalam atau luar negara;
- (d) kajian, penyelidikan dan pemeriksaan ke atas Taman Negeri Pahang;
- (e) menukar, menjual, memindah milik atau melupuskan apa-apa harta alih atau harta tak alih milik Perbadanan;

- (f) memperoleh melalui pembelian, pemberian, derma, pinjaman atau sebaliknya, apa-apa objek yang menunjukkan sejarah, budaya, flora dan fauna Pahang;
- (g) terlibat dalam sebarang aktiviti komersil bagi tujuan mempromosikan dan membangunkan Taman Negeri Pahang;
- (h) memberi bantuan dalam apa jua bentuk kepada mana-mana pihak untuk membangunkan Taman Negeri Pahang;
- (i) mengekalkan pangkalan data maklumat yang komprehensif mengenai semua koleksi dan pameran apa-apa perkara terutamanya yang mempunyai persekitaran semula jadi, sumber dan biodiversiti Pahang termasuk flora, fauna, kesan sejarah dan budaya kepada Pahang;
- (j) menerbitkan atau menaja sebarang produksi filem dokumentari dan bahan audio visual lain untuk mempromosikan pembangunan Taman Negeri Pahang;
- (k) melibatkan diri dalam mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan dengan mana-mana pihak atau pihak berkumpulan dan melakukan apa sahaja tindakan atau perkara yang perlu atau bernas untuk dilaksanakan;
- (l) mengadakan pameran, ucapan, demonstrasi dan kelas berhubung dengan pembangunan Taman Negeri Pahang;
- (m) mengadakan rundingan, nasihat dan pertanyaan mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan pembangunan Taman Negeri Pahang;
- (n) mempromosikan publisiti mengenai pembangunan Taman Negeri Pahang dalam pelbagai bentuk;
- (o) menggalakkan kerjasama, pertukaran maklumat dan penyelarasan dengan mana-mana pihak atau institusi yang mempunyai kaitan dengan aktiviti-aktiviti yang dianggap untuk mempromosikan pembangunan Taman Negeri Pahang;

- (p) menyediakan kemudahan latihan kepada orang ramai yang dalam apa jua bentuk yang mempunyai hubungan dengan pembangunan Taman Negeri Pahang; dan
- (q) menjalankan apa-apa perkara yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain atau yang difikirkannya sesuai untuk melaksanakan fungsi dan kuasanya menurut Enakmen ini.

#### **Kuasa untuk menubuhkan syarikat**

18. Perbadanan boleh, dari semasa ke semasa dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri menubuhkan syarikat-syarikat dengan apa-apa nama yang difikirkan sesuai oleh Perbadanan untuk melaksanakan dan mempunyai kuasa, melaksanakan dan menguruskan bagi pihak Perbadanan mana-mana skim projek atau perusahaan sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan dalam melaksanakan fungsi-fungsinya atau pelaksanaan kuasa-kuasanya.

#### **Kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa**

19. (1) Perbadanan boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkan perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam pelaksanaan fungsinya di bawah Enakmen.

(2) Mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang ahli Perbadanan dan boleh dipilih kepada jawatankuasa mana-mana orang lain yang difikirkan sesuai oleh Perbadanan.

(3) Jawatankuasa yang ditubuhkan hendaklah mengawal selia prosedurnya sendiri.

(4) Mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan hendaklah mematuhi arahan yang diberikan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa dan Perbadanan boleh pada bila-bila masa menghentikan atau mengubah keahlian mana-mana jawatankuasa itu yang ditubuhkan sedemikian.

(5) Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang yang difikirkan mempunyai pengetahuan khusus untuk kebaikannya menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa dan orang yang tersebut tidak berhak mengundi dalam mesyuarat tersebut.

(6) Jawatankuasa akan melaporkan cadangan kepada Perbadanan.

(7) Boleh diberikan bayaran kepada setiap ahli jawatankuasa yang dilantik atau ditubuhkan di bawah subseksyen (1) daripada Dana elaun tersebut, termasuk perjalanan dan sara hidup sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa.

## BAHAGIAN V KEWANGAN

### **Kumpulan Wang**

20. (1) Kumpulan wang yang dikenali sebagai "Dana Perbadanan Taman Negeri Pahang" yang ditadbir dan dikawal oleh Perbadanan adalah ditubuhkan.

(2) Kumpulan wang hendaklah terdiri daripada—

- (a) sejumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- (b) wang yang diperolehi oleh Perbadanan dengan operasi mana-mana projek, skim atau perusahaan yang dibiayai daripada Dana;
- (c) semua wang yang diperolehi oleh Perbadanan dengan operasi mana-mana projek, pelaburan, gadai janji, caj atau debentur yang diperolehi atau terletak hak kepada Perbadanan;
- (d) jumlah wang atau pinjaman yang dipinjam oleh Perbadanan bagi maksud memenuhi mana-mana kewajipannya atau pelepasan mana-mana fungsi atau kuasanya;
- (e) apa-apa bayaran, caj atau pembayaran lain yang dikutip oleh Perbadanan; dan
- (f) semua jumlah wang atau harta lain yang dalam apa-apa cara boleh dibayar atau terletak hak pada Perbadanan berkenaan dengan apa-apa perkara yang sampingan dengan fungsi atau kuasanya.

(3) Kumpulan wang hendaklah dibelanjakan bagi tujuan—

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang ditanggung secara sah oleh Perbadanan, termasuk yuran dan kos;
- (b) membayar saraan pegawai dan penilai yang dilantik dan diambil bekerja oleh Perbadanan, termasuk elaun persaraan, pencen atau ganjaran; dan
- (c) membayar perbelanjaan lain, kos atau perbelanjaan yang ditanggung atau diterima dengan sewajarnya oleh Perbadanan dalam melaksanakan fungsi dan kuasanya.

### **Perbelanjaan dan penyediaan anggaran**

21. (1) Perbelanjaan Perbadanan hendaklah dibayar daripada wang dalam Dana selaras dengan anggaran-anggaran yang dibenarkan dalam subseksyen (2).

(2) Sebelum permulaan Oktober setiap tahun, Perbadanan hendaklah mengemukakan kepada Menteri Besar satu anggaran perbelanjaan bagi tahun berikutnya mengikut bentuk dan mengandungi apa-apa butiran sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri Besar dan sebelum permulaan Disember setiap tahun, Menteri Besar hendaklah memberitahu Perbadanan mengenai amaun yang dibenarkan bagi setiap jenis perbelanjaan.

(3) Perbadanan boleh, pada bila-bila masa, mengemukakan kepada Menteri Besar suatu anggaran tambahan bagi mana-mana satu tahun dan Menteri Besar boleh membenarkan kesemua atau mana-mana bahagian perbelanjaan tambahan dimasukkan dalam anggaran tambahan.

### **Aset yang tidak dibelanjakan**

22. Aset Perbadanan boleh, setakat yang tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Perbadanan, dilaburkan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri Besar.

### **Pelaburan dan pinjaman**

23. (1) Perbadanan boleh, dengan persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada Menteri Besar, melainkan jika Menteri Besar memberikan arahan am atau khusus mengenai perkara itu—

- (a) menubuhkan atau menggalakkan penubuhan syarikat atau badan-badan lain untuk menjalankan aktiviti-aktiviti sama ada di bawah kawalan atau kawalan separa Perbadanan sendiri atau secara bebas;

Dengan syarat bahawa, jika dalam hal penubuhan dan promosi syarikat menggunakan kumpulan wang secara dalaman tiada, persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada Menteri Besar diperlukan;

- (b) memberikan bantuan kewangan kepada mana-mana syarikat, pihak berkuasa lain, mana-mana badan atau pihak dengan mengambil saham atau debentur atau melalui apa-apa pinjaman, pendahuluan, geran atau sebaliknya;
- (c) membeli, menaja jamin atau secara lain memperoleh apa-apa saham dan syor dalam mana-mana syarikat awam atau swasta; dan
- (d) meminjam wang (termasuk perantaraan kewangan) atau membuat sebarang jaminan yang melibatkan liabiliti kewangan dan dengan syarat bahawa berkaitan dengan apa-apa jaminan, jaminan yang diberikan tidak boleh melebihi peratusan ekuiti pemegangan Perbadanan dalam badan atau orang yang diberikan liabiliti.

(2) Jika Perbadanan melaksanakan kuasanya di bawah perenggan (1) (a) atau jika Perbadanan mempunyai kawalan atau kawalan separa sesebuah syarikat atau badan lain, ahli-ahli pengurusan syarikat atau badan lain hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada seorang anggota atau seorang Pegawai Perbadanan.

(3) Pada memberi sesuatu persetujuan di bawah subseksyen (1) Menteri Besar boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

(4) Perbadanan tidak boleh menubuhkan sesuatu pihak berkuasa berkanun sama ada di bawah Enakmen ini atau di bawah mana-mana undang-undang lain.

**Aset boleh dilupuskan dengan persetujuan**

24. Perbadanan boleh, dengan persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada Menteri Besar, melupuskan, melepaskan atau menukarkan dengan wang tunai atau balasan lain mana-mana asetnya melainkan jika Menteri Besar mengarahkan, sama ada secara khusus atau secara am berkenaan dengan apa-apa kategori aset bahawa memandangkan kepada rendahnya nilai aset itu, maka persetujuan bertulis terlebih dahulu tidak perlu diperolehi:

Dengan syarat bahawa peruntukan yang berkaitan dengan persetujuan bertulis sebelumnya dari Menteri Besar tidak terpakai sekiranya penjualan tanah yang telah dibahagikan kepada pertanian, perkilangan, perumahan, perindustrian atau lot kedai tanpa mengira sama ada tanah tersebut hendak dijual dengan atau tiada bangunan yang didirikan di atasnya.

### **Penyimpanan akaun**

25. Perbadanan hendaklah menyimpan rekod akaun yang sempurna dan rekod-rekod urus niaga yang lain dan hal ehwal lain selaras dengan prinsip-prinsip perakaunan yang diterima umum dan melakukan semua perkara yang perlu untuk memastikan bahawa semua pendapatan diambil kira dengan betul dan bahawa semua perbelanjaan daripada Dana, termasuk pembayaran berkenaan dengan gaji, ganjaran dan faedah kewangan lain kepada ahli-ahli Perbadanan dan pekhidmatnya, adalah wajar.

### **Penyiasatan akaun**

26. (1) Menteri Besar atau Pihak Berkuasa Negeri boleh pada bila-bila masa mengarahkan orang yang dilantik untuk membuat siasatan terhadap buku, akaun dan transaksi Perbadanan.

(2) Perbadanan hendaklah membenarkan orang itu memeriksa buku, akaun dan dokumennya dan hendaklah memberi apa-apa maklumat sebagaimana dikehendaki oleh orang itu untuk menjalankan penyiasatan itu:

Dengan syarat bahawa buku, akaun dan dokumen itu tidak boleh diminta untuk dikemukakan pada bila-bila masa atau di mana-mana tempat yang boleh mengganggu perjalanan yang sepatutnya urusan harian biasa Perbadanan.

### **Tahun kewangan dan akaun yang telah diaudit**

27. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai tahun kewangan bermula pada 1 Januari.

(2) Akaun Perbadanan hendaklah diaudit setiap tahun oleh Ketua Audit Negara atau lain-lain yang dilantik oleh Perbadanan.

(3) Perbadanan hendaklah dalam tempoh enam bulan selepas setiap akhir tahun kewangan, memastikan akaunnya diaudit dan dihantar kepada Menteri Besar bersama satu salinan setiap pemerhatian daripada Ketua Audit Negara atau juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (2) pada mana-mana penyata atau pada akaun Perbadanan dan satu salinan laporan tahunan yang dirujuk dalam seksyen 27.

(4) Menteri Besar hendaklah menyebabkan sesalinan setiap penyata itu bersama dengan sesalinan apa-apa pemerhatian yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atau juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (2) mengenai apa-apa penyata atau mengenai akaun Perbadanan yang disebut dalam subseksyen (3) dan sesalinan laporan tahunan yang disebut dalam seksyen 27 dibentangkan dalam persidangan Dewan Undangan Negeri yang akan datang.

### **Laporan Tahunan**

28. Perbadanan hendaklah tidak lewat dari 30 Jun selepas setiap tahun kewangan, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Menteri Besar satu laporan yang berurusan dengan aktiviti Perbadanan pada tahun sebelumnya.

## **BAHAGIAN VI PENUBUHAN TAMAN NEGERI**

### **Penubuhan Taman Negeri**

29. (1) Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa boleh mengisytiharkan mana-mana kawasan disenaraikan dalam Jadual Pertama Enakmen ini sebagai Taman Negeri dan supaya berada di bawah pengurusan, pentadbiran dan kawalan Perbadanan.

(2) Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa boleh meminda sama ada menambah butiran ke dalam atau mengeluarkan daripada Jadual Pertama.

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dari semasa ke semasa mengisytiharkan mana-mana kawasan untuk menjadi Taman Negeri, pemberitahuan yang disebut hendaklah—

- (a) menyebutkan nama Taman Negeri tersebut;
- (b) menentukan kedudukan, tempat, dan luasannya; dan
- (c) memperihalkan nombor warta, nombor pelan, dan tarikh kuatkuasanya.

### **Penggunaan atau pekerjaan di Taman Negeri**

30. Perbadanan boleh memajak atau membenarkan penggunaan mana-mana kawasan di Taman Negeri tertakluk kepada apa-apa fi, caj, syarat atau sekatan yang difikirkan patut dikenakan.

## BAHAGIAN VII PENGUATKUASAAN

### **Kuasa untuk menyiasat**

31. (1) Mana-mana pegawai diberi kuasa atau pegawai polis hendaklah mempunyai segala kuasa untuk mengesan dan menyiasat perlakuan atau apa-apa kesalahan atau kesalahan yang disyaki di bawah Enakmen ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya.

(2) Seorang pegawai yang menjalankan siasatan di bawah Enakmen ini boleh menggunakan semua atau mana-mana kuasa khas berhubung dengan penyiasatan polis dalam kes-kes yang boleh disita seperti dalam Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

(3) Seksyen ini tidak boleh ditafsirkan sebagai mengehendkan atau menjejaskan apa-apa kuasa yang serupa yang diberikan kepada mana-mana orang di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

(4) Apabila seseorang pegawai menjalankan mana-mana kuasa di bawah Enakmen ini, dia hendaklah atas permintaan, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu sedang menjalankan kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya.

### **Kuasa penangkapan**

32. (1) Ketua Eksekutif atau mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang—

- (a) didapati melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat dengan pelaku kesalahan di bawah Enakmen ini; atau
- (b) siapa yang disyaki terlibat dalam melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat di bawah Enakmen ini.

(2) Seseorang pegawai yang membuat penangkapan di bawah subseksyen (1) hendaklah tanpa penangguhan yang tidak perlu, membawa orang yang ditangkap ke mana-mana balai polis, dan selepas itu orang itu hendaklah diuruskan mengikut undang-undang yang berkaitan dengan prosedur jenayah yang sedang berkuat kuasa.

### **Memeriksa dan menyita dengan waran**

33. (1) Jika pada hemat seseorang Majistret, berdasarkan maklumat bertulis mengenai laluan dan selepas siasatan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Majistret, terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa—

- (a) mana-mana premis telah digunakan atau akan digunakan untuk; atau
- (b) terdapat mana-mana premis bukti-bukti yang diperlukan untuk menjalankan siasatan ke atas perlakuan kesalahan di bawah Enakmen ini, Majistret boleh mengeluarkan waran yang membenarkan mana-mana pegawai yang dinamakan di dalamnya, pada bila-bila masa yang munasabah pada waktu siang atau waktu malam dan dengan atau tanpa bantuan, untuk memasuki premis dan jika perlu secara paksa.

(2) Waran yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) memberi kuasa kepada pegawai untuk—

- (a) memeriksa premis untuk, dan untuk menyita atau mengeluarkan dari premis apa-apa Spesis Terjadual, kenderaan, jentera, perakaaan, peralatan, buku, rekod, dokumen atau artikel lain yang

dipercayai secara munasabah untuk memberikan bukti pelakuan kesalahan tersebut;

- (b) mengambil sampel mana-mana Spesis Terjadual yang terdapat di dalam premis bagi maksud menentukan, dengan menguji atau sebaliknya, sama ada kesalahan itu telah dilakukan; dan
- (c) membuat salinan atau mengambil petikan daripada mana-mana buku, rekod, dokumen, atau artikel lain yang terdapat di dalam premis.

(3) Seseorang pegawai yang memasuki mana-mana premis di bawah seksyen ini boleh membawa dengannya orang dan peralatan lain sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(4) Seseorang pegawai boleh, dalam menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, jika perlu untuk dilakukan—

- (a) memecahkan sebarang pintu luar atau dalam premis atau sebarang pagar, kandang, pintu pagar atau halangan lain untuk memasuki premis;
- (b) mengalihkan secara paksa sebarang halangan untuk masuk, mencari, menyita dan menghapuskan kerana dia diberi kuasa untuk melaksanakan di bawah seksyen ini; dan
- (c) menahan mana-mana orang yang ditemui di dalam premis sehingga penggeledahan telah selesai.

(5) Sekiranya, dengan sebab sifat, saiz atau amaunnya, tidak praktikal untuk menghapuskan Spesis Terjadual, kenderaan, jentera, perekaan, peralatan, buku, rekod, dokumen atau artikel lain yang disita di bawah seksyen ini, pegawai hendaklah dengan apa-apa cara, meterai Spesis Terjadual, kenderaan, jentera, perekaan, peralatan, buku, rekod, dokumen atau artikel lain dalam premis atau bekas ianya ditemui.

(6) Seseorang yang, tanpa kuasa yang sah, memecah, mengganggu atau merosakkan meterai yang disebut dalam subseksyen (5) atau membuang Spesis Terjadual, kenderaan, jentera, perekaan, peralatan, buku, rekod, dokumen atau barang lain di bawah meterai atau berusaha untuk berbuat demikian melakukan suatu kesalahan dan, jika disabitkan, boleh didenda tidak

kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya sekali.

### **Pencarian dan penyitaan tanpa waran**

34. Jika seseorang pegawai mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa bahan, kenderaan, jentera, perekaan peralatan, buku, rekod, dokumen atau artikel lain yang berkenaan dengannya bahawa satu kesalahan di bawah Enakmen ini telah dilakukan yang berkemungkinan boleh didapati di dalam atau di mana-mana premis, orang atau penyampaian dan bahawa dengan alasan kelewatan dalam mendapatkan waran di bawah seksyen 32, objek carian boleh terjejas atau berkemungkinan akan diganggu, dipindahkan, dimusnahkan atau dirosakkan, dia boleh, tanpa waran, dengan apa-apa bantuan dan daya sebagaimana yang perlu—

- (a) masuk dan memeriksa premis tersebut;
- (b) menghentikan dan memeriksa orang atau alat tersebut; dan
- (c) menyita sebarang Spesis Terjadual, kenderaan, jentera, perekaan, peralatan, buku, rekod, dokumen atau artikel lain yang mungkin dijumpai dan boleh menjadi bukti pelanggaran kesalahan tersebut.

### **Kuasa memasuki premis**

35. Tanpa menjejaskan perjalanan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 32 dan 33, pegawai boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana premis untuk tujuan—

- (a) memeriksa apa-apa spesis hidupan, bahan, kenderaan, jentera, peralatan, buku, rekod, dokumen atau artikel lain yang difikirkannya perlu;
- (b) mengesahkan ketepatan rekod atau pernyataan atau maklumat yang diberikan kepada pegawai penguatkuasa; atau
- (c) mengumpulkan sampel sebarang bahan.

### **Akses kepada data berkomputer**

36. Mana-mana pegawai yang menjalankan pemeriksaan di bawah Enakmen ini hendaklah diberikan akses kepada data berkomputer sama ada disimpan dalam komputer atau sebaliknya, dan untuk tujuan tersebut, hendaklah disediakan dengan kata laluan yang diperlukan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan dan apa-apa cara lain yang diperlukan untuk membolehkan pemahaman data berkomputer.

### **Penyitaan barang-barang**

37. Tanpa prejudis terhadap subseksyen 32(2) dan seksyen 33, apa-apa bahan, kenderaan, jentera, perekaan, peralatan, buku, rekod, dokumen atau artikel lain yang seseorang pegawai dengan munasabahnyanya mengesyaki telah digunakan atau akan digunakan dalam pelakuan jenayah di bawah Enakmen ini boleh disita dan ditahan oleh pegawai itu.

### **Kuasa untuk menghentikan, mencari dan menyita kenderaan**

38. (1) Jika seseorang pegawai mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa mana-mana kenderaan membawa apa-apa bahan, jentera, perekaan, peralatan, buku, rekod, dokumen atau artikel lain yang berkenaan dengannya kesalahan di bawah Enakmen ini sedang atau telah dilakukan, dia boleh menghentikan dan memeriksa kenderaan dan boleh jika pada pemeriksaan dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa kenderaan itu adalah atau telah digunakan untuk melakukan kesalahan itu, menyita kenderaan tersebut dan apa-apa bahan, kenderaan, jentera, perekaan, peralatan, buku, rekod, dokumen atau artikel lain yang terdapat dalam kenderaan tersebut yang dipercayai secara munasabah boleh dijadikan bukti mengenai pelakuan kesalahan tersebut.

(2) Orang yang mengawal atau bertanggungjawab terhadap kenderaan jika diminta oleh pegawai—

(a) menghentikan kenderaan dan membiarkan pegawai memeriksanya; dan

(b) membuka semua bahagian kenderaan untuk diperiksa dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memudahkan pemeriksaan sebagaimana pegawai itu fikirkan perlu.

(3) Seseorang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu

ringgit dan tidak melebihi satu juta ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

### **Notis penyitaan**

39. (1) Sekiranya mana-mana penyitaan dibuat di bawah Enakmen ini, pegawai yang membuat penyitaan itu hendaklah memberi notis bertulis mengenai penyitaan dan alasan penyitaan kepada pemilik bahan, kenderaan, jentera, perekaan, peralatan, buku, rekod, dokumen atau artikel lain yang disita dengan memberikan salinan notis tersebut kepada pemilik, jika pemilik atau tempatnya diketahui.

(2) Notis di bawah subseksyen (1) tidak perlu diberikan jika penyitaan dibuat dengan kehadiran—

(a) pemilik atau wakilnya;

(b) penghuni premis; atau

(c) orang yang mengawal atau bertanggungjawab atas penyampaian di mana penyitaan dibuat di bawah seksyen 37.

### **Pemulangan sementara barang yang disita**

40. (1) Seseorang pegawai boleh atas budi bicaranya—

(a) mengembalikan sementara waktu, kenderaan yang disita, jentera, perekaan atau peralatan kepada pemiliknya atau kepada orang yang mempunyai kawalan atau jagaan semasa disita, atau kepada orang yang difikirkan berhak oleh pegawai penguatkuasa itu, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dikenakan oleh pegawai dan berdasarkan, dalam apa jua keadaan, jaminan yang mencukupi sebagaimana yang memuaskan pegawai tersebut bahawa kenderaan, jentera, perekaan atau peralatan hendaklah diserahkan kepada pegawai penguatkuasa sekiranya permintaan dibuat oleh pegawai itu dan bahawa terma dan syarat tersebut, jika ada, hendaklah dipatuhi; atau

(b) mengembalikan kenderaan yang disita, perekaan atau peralatan kepada pemiliknya atau kepada orang yang mempunyai

kawalan atau jagaan semasa disita, atau kepada orang yang dianggap berhak kepadanya, dengan kebebasan bagi orang yang dimana kenderaan, jentera, perekaan atau peralatan yang dikembalikan untuk melupuskannya. Pemulangan tersebut tertakluk kepada jaminan yang memuaskan hati pegawai dimana di dalam pandangan pegawai tersebut ianya mewakili nilai pasaran terbuka kenderaan, jentera, perekaan atau peralatan tersebut pada tarikh ianya dikembalikan tertakluk kepada syarat bahawa jika kenderaan, jentera, perekaan atau peralatan dilucuthakan.

(2) Sekiranya apa-apa kenderaan, jentera, atau peralatan yang disita dikembalikan buat sementara waktu di bawah subseksyen (1), seseorang yang—

- (a) atas permintaan, gagal untuk menyerahkan kenderaan, jentera, perekaan atau peralatan kepada pegawai penguatkuasa; atau
- (b) melanggar mana-mana terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1),

melakukan kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya sekali.

#### **Kuasa untuk meminta kehadiran orang yang mengetahui kes**

41. (1) Mana-mana pegawai yang membuat penyiasatan di bawah Enakmen ini boleh, melalui notis secara bertulis, menghendaki kehadiran di hadapan dirinya mana-mana orang yang hadir kepadanya untuk mengetahui fakta dan keadaan kes itu, dan orang itu hendaklah menghadiri seperti yang dikehendaki.

(2) Jika mana-mana orang itu enggan hadir sebagaimana yang dikehendaki oleh sesuatu notis yang dibuat di bawah subseksyen (1), pegawai itu boleh melaporkan keenggannya kepada Majistret yang hendaklah mengeluarkan waran untuk mendapatkan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah itu.

#### **Pemeriksaan orang yang mengetahui kes**

42. (1) Mana-mana pegawai yang membuat penyiasatan di bawah Enakmen ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang sepatutnya mengetahui dengan fakta dan keadaan kes.

(2) Orang itu hendaklah terikat untuk menjawab semua soalan yang berkaitan dengan kes yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai, tetapi dia boleh menolak untuk menjawab apa-apa soalan yang berhubungan dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai itu, tetapi dia boleh enggan menjawab apa-apa soalan jawapan yang akan mempunyai kecenderungan untuk mendedahkannya kepada tuduhan jenayah atau penalti atau penyitaan.

(3) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan kebenaran, sama ada pernyataan itu dibuat sepenuhnya atau sebahagiannya dalam menjawab soalan.

(4) Pegawai yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memberitahu orang itu mengenai peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah jika boleh, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau diturunkan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas—

- (a) dibaca kepadanya dalam bahasa di mana dia membuatnya; dan
- (b) dia telah diberi peluang untuk membuat apa-apa pembedulan yang diinginkan.

#### **Kebolehterimaan keterangan**

43. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tidak ada pernyataan yang dibuat oleh tertuduh di bawah seksyen 42 kepada seseorang pegawai dalam proses penyiasatan yang dibuat di bawah Enakmen ini boleh digunakan sebagai keterangan.

(2) Jika tertuduh telah membuat pernyataan semasa siasatan, pernyataan sedemikian boleh diterima sebagai bukti untuk menyokong pembelaannya semasa perbicaraan.

(3) Tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh disifatkan terpakai bagi apa-apa pernyataan yang dibuat semasa kawad cam atau terjumlah di bawah seksyen 27 Akta Keterangan 1950.

(4) Apabila mana-mana orang dituduh dengan apa-apa kesalahan berhubung—

(a) pembuatannya; atau

(b) kandungannya.

Mengenai pernyataan yang dibuat olehnya kepada pegawai penguatkuasa semasa penyiasatan dibuat di bawah Enakmen ini, pernyataan itu boleh digunakan sebagai bukti dalam kes pendakwaan.

#### **Pelucutan hak Spesis Terjadual yang disita**

44. (1) Apa-apa bahan, kenderaan, jentera, perekaan, peralatan, buku, rekod, dokumen atau artikel lain yang disita semasa menjalankan kuasa yang diberikan di bawah Enakmen ini, boleh dilucuthakan.

(2) Perintah untuk menyita apa-apa bahan, kenderaan, jentera, perekaan, peralatan, buku, rekod, dokumen atau artikel lain hendaklah dibuat jika terdapat bukti yang memuaskan kepada pengadilan bahawa kesalahan di bawah Enakmen ini telah dilakukan dan bahawa bahan, kenderaan, jentera, perekaan, peralatan, buku, rekod, dokumen atau artikel lain adalah perkara atau digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, walaupun tidak ada orang yang disabitkan atas kesalahan tersebut.

(3) Jika tiada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa Spesis Terjadual, kenderaan, jentera, perekaan, peralatan, buku, catatan, dokumen atau artikel lain yang disita di bawah Enakmen ini, bahan, kenderaan, jentera, perekaan, peralatan, buku, catatan, dokumen atau artikel lain akan diambil dan dianggap akan dilucuthakan dalam tempoh satu bulan dari tarikh penyampaian notis di bawah seksyen 39(2) kecuali sebelum berakhirnya tempoh tersebut, tuntutan terhadapnya dibuat dengan cara yang dinyatakan dalam subseksyen (4), (5), (6) dan (7).

(4) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia adalah pemilik bahan, kenderaan, jentera, perekaan, peralatan, buku, rekod, dokumen atau artikel lain yang disebut dalam subseksyen (3) dan yang tidak tertakluk kepada

pelucuthakan boleh secara peribadi atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberi notis bertulis kepada pegawai Perbadanan yang ada dalam milikannya bahan, kenderaan, jentera, peralatan, buku, rekod, dokumen atau artikel lain yang ditahan bahawa dia menuntut bahan, kenderaan, jentera, perekaan, peralatan, buku, rekod, dokumen atau artikel lain tersebut.

(5) Apabila menerima notis yang disebut dalam subseksyen (4), pegawai Perbadanan hendaklah merujuk tuntutan itu kepada Majistret untuk keputusannya.

(6) Majistret kepada siapa suatu perkara disebut di bawah subseksyen (5) akan mengeluarkan saman kepada orang yang mengatakan bahawa dia adalah pemilik bahan, kenderaan, jentera, perekaan, peralatan, buku, rekod, dokumen atau artikel lain supaya hadir di hadapannya, dan jika mereka hadir atau tidak hadir dan penyampaian saman telah dibuktikan, Majistret boleh meneruskan pemeriksaan terhadap perkara itu.

(7) Jika dibuktikan bahawa kesalahan di bawah Enakmen ini telah dilakukan dan bahawa bahan, kenderaan, jentera, perekaan, peralatan, buku, rekod, dokumen atau artikel lain yang disebut dalam subseksyen (6) adalah hal perkara atau telah digunakan untuk melakukan kesalahan, Majistret boleh memerintahkan agar bahan, kenderaan, jentera, perekaan, peralatan, buku, rekod, dokumen atau artikel lain dilucuthakan, dan jika ketiadaan bukti tersebut, memerintahkan pelepasan barang kes tersebut.

(8) Apa-apa bahan, kenderaan, jentera, perekaan, peralatan, buku, rekod, dokumen atau artikel lain yang dilucuthakan atau disifatkan telah dilucuthakan, hendaklah dihantar ke Perbadanan dan hendaklah dilupuskan dengan cara yang difikirkan wajar oleh Perbadanan.

### **Kuasa tambahan**

45. (1) Seseorang pegawai hendaklah untuk tujuan pelaksanaan Enakmen ini, mempunyai kuasa untuk melakukan semua atau salah satu tindakan yang berikut:

- (a) untuk menghendaki pengemukaan rekod, akaun dan dokumen dan menyemak, memeriksa dan membuat salinan;
- (b) untuk menghendaki pengemukaan dokumen pengenalan diri dari mana-mana orang yang berkaitan dengan kes atau kesalahan di bawah Enakmen ini;

- (c) untuk membuat pertanyaan yang perlu bagi menentukan sama ada peruntukan Enakmen ini telah pun dipatuhi.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi permintaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

### **Pengkompaunan kesalahan**

46. (1) Ketua Eksekutif boleh, dengan izin Pendakwa Raya, boleh menawarkan secara bertulis untuk mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana pihak di bawah Enakmen ini dan ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini dengan membuat tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaun kesalahan itu dengan tidak melebihi lima puluh peratus daripada jumlah denda maksimum bagi kesalahan tersebut yang perlu dibayar di dalam tempoh masa yang akan dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan untuknya telah dimulakan.

(3) Jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran di bawah subseksyen (1) dibayar, maka tidak ada pendakwaan yang akan dilakukan berhubung dengan kesalahan tersebut terhadap orang yang dikenakan kompaun.

(4) Apa-apa bahan, kenderaan, jentera, perekaan, peralatan, buku, rekod, dokumen atau artikel lain yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan atau dilucuthakan oleh Ketua Eksekutif tertakluk kepada sama ada bahan, kenderaan, jentera, perekaan, peralatan, buku, rekod, dokumen atau artikel lain telah digunakan dalam pelakuan jenayah atau menjadi hal perkara pelakuan jenayah tersebut.

### **Pendakwaan**

47. Tiada pendakwaan untuk atau berhubung dengan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini boleh dimulakan kecuali dengan atau dengan keizinan bertulis daripada Pendakwa Raya.

### **Kesalahan yang dilakukan oleh suatu kumpulan orang**

48. Sekiranya satu kesalahan dilakukan terhadap Enakmen ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya dilakukan oleh suatu kumpulan orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan maka mana-mana orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan ialah seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi kumpulan orang itu, atau yang berupa sebagai bertindak atas sifat sedemikian, hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuannya atau tanpa pembiarannya, dan bahawa dia telah menjalankan usaha untuk mencegah berlakunya kesalahan itu sebagaimana yang sepatutnya telah dijalankan olehnya memandangkan jenis fungsi atas sifat itu dan memandangkan semua hal keadaan.

### **Kesalahan oleh pekongsi, ejen atau pekhidmat**

49. Mana-mana orang yang tetap bersalah melakukan suatu kesalahan jika apa-apa jua telah dilakukan atau ditinggalkan olehnya sendiri adalah bersalah melakukan kesalahan itu dan boleh dikenakan penalti yang sama jika perkara itu telah dilakukan atau ditinggalkan oleh pekongsi, ejen, atau pekhidmatnya dalam perjalanan urusan perkongsian itu atau dalam perjalanan pekerjaannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya atau persetujuannya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah perlakuan atau peninggalan perkara itu:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh melepaskan pekongsi, ejen atau pekhidmat itu daripada dikenakan pendakwaan.

### **Kesalahan dan penalti**

50. (1) Tiada seorang pun boleh, kecuali dengan kebenaran Ketua Eksekutif, melakukan mana-mana tindakan berikut semasa berada di Taman Negeri—

- (a) memasuki tanpa permit yang sah;
- (b) membawa apa-apa senjata, letupan, perangkap, jentera, racun atau barangan berbahaya;

- (c) memburu, membunuh, mencederakan, menangkap atau mengganggu mana-mana hidupan liar atau mengutip atau merosakkan mana-mana telur burung atau sarang:

Dengan syarat mana-mana hidupan mungkin dirosakkan untuk tujuan melindungi nyawa manusia atau perlindungan daripada kecederaan;

- (d) memotong, merosakkan, mencederakan, memusnahkan atau membakar hidupan tumbuhan atau apa sahaja yang mempunyai kepentingan geologi, arkeologi, sejarah dan saintifik;
- (e) membawa hidupan liar atau membenarkan haiwan peliharaan masuk atau tinggal di dalamnya;
- (f) membawa masuk mana-mana hidupan tumbuhan di dalamnya;
- (g) melaksanakan sebarang aktiviti penyelidikan;
- (h) mengeluarkan sebarang spesis flora dan fauna dan sumber lain di dalamnya;
- (i) mengeluarkan apa-apa haiwan atau tumbuhan sama ada mati atau hidup;
- (j) mengeluarkan apa-apa mineral atau bahan yang mempunyai kepentingan geologi, arkeologi, sejarah dan saintifik;
- (k) memusnahkan atau mencacatkan apa-apa sama ada bernyawa atau tidak;
- (l) menyebarkan, mengalirkan atau menyebabkan pelepasan bahan minyak, kimia, racun atau bahan toksik atau sisa lain termasuk sisa pepejal yang mampu merosakkan tumbuh-tumbuhan dan; atau
- (m) membina apa-apa bangunan di dalamnya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subsyeksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan didenda tidak kurang lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu juta ringgit atau

dipenjarakan tidak melebihi tujuh tahun, atau kedua-duanya, dan boleh juga dikenakan sebat sekurang-kurangnya satu sebatan.

### **Kebenaran penguatkuasaan**

51. Ketua Eksekutif boleh, tertakluk kepada syarat-syarat yang boleh dikenakan oleh Ketua Eksekutif, memberi kuasa secara bertulis kepada mana-mana pegawai pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun atau pegawai awam untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah Enakmen ini.

## **BAHAGIAN VIII PELBAGAI**

### **Perlindungan daripada guaman dan prosiding undang-undang**

52. Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain, dan perjanjian yang dimasuki, boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dibuat dalam mana-mana mahkamah terhadap anggota Perbadanan, anggota jawatankuasa, Ketua Eksekutif, Pegawai Penguatkuasa, pekerja atau ejen Perbadanan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan yang ditinggalkan olehnya dengan suci hati atas sifat yang sedemikian.

### **Pengecualian**

53. Pihak Berkuasa Negeri boleh, dengan perintah, mengecualikan Perbadanan daripada apa-apa kadar, cukai, caj atau fi yang dikenakan atau boleh diperolehi semula oleh mana-mana pihak berkuasa tempatan di negeri ini berkenaan dengan mana-mana harta yang dimiliki oleh Perbadanan atas apa-apa terma dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Negeri.

### **Rizab Melayu**

54. Bagi maksud mana-mana undang-undang bertulis yang berkaitan dengan tanah yang dirizabkan bagi diberi milik atau dipindah milik kepada orang-orang melayu atau kepada bumiputera negeri, Perbadanan hendaklah disifatkan sebagai orang melayu atau seorang bumiputera negeri mengikut mana-mana yang berkenaan.

### **Peraturan**

55. (1) Perbadanan boleh membuat peraturan mengenai mana-mana atau semua perkara yang berikut, iaitu—

- (a) pengecualian orang awam dari kawasan tertentu di dalam Taman Negeri;
- (b) larangan membunuh, mencederakan, memerangkap, menangkap atau menahan hidupan liar di dalam Taman Negeri dan pembuangan hidupan liar tersebut dibunuh, dcederakan, diperangkap, ditangkap atau ditahan;
- (c) larangan haiwan tersebut sebagai dinyatakan daripada dibawa masuk atau tinggal di dalam Taman Negeri;
- (d) pembakaran dan pemotongan tumbuh-tumbuhan dalam Taman Negeri;
- (e) pelupusan hidupan liar, tumbuh-tumbuhan atau perkara-perkara lain yang terdapat di dalam Taman Negeri;
- (f) pemeriksaan mana-mana orang yang disyaki melanggar mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini;
- (g) tempoh dan masa di mana orang awam boleh mempunyai akses kepada Taman Negeri atau mana-mana bahagiannya;
- (h) peraturan perilaku, kewajipan dan tanggungjawab orang yang melawat atau melancong, meneroka atau berkhemah di Taman Negeri dan (tanpa menjejaskan keluasan yang disebut di atas) keselamatan orang yang melawat Taman tersebut dan liabiliti mereka untuk semua perbelanjaan yang munasabah yang ditanggung berkaitan dengan carian untuk mencari orang yang telah hilang atau (selepas kegagalan mematuhi peraturan) adalah munasabah;
- (i) yuran bagi pengeluaran permit untuk memasuki atau berkhemah di dalam Taman Negeri, untuk kemasukan kenderaan ke dalam dan pengambilan gambar di dalam Taman Negeri atau untuk perkhidmatan yang berkaitan dengan penggunaan atau menikmati Taman Negeri;

- (j) perlindungan, pemeliharaan dan penjagaan Taman Negeri dan kerja-kerja tetap dan kerja-kerja penyelenggaraan dan kemudahan serta hidupan liar dan tumbuh-tumbuhan serta ciri-ciri pemandangan yang indah, saintifik atau sejarah di dalamnya;
- (k) peraturan lalu lintas dan kenderaan penumpang di Taman Negeri;
- (l) penyitaan dan pelupusan mana-mana kenderaan, kapal, haiwan atau artikel atau benda lain yang berkaitan dengannya terdapat pelanggaran mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini;
- (m) penalti dikenakan dengan pelanggaran mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini;
- (n) pembinaan dan penyelenggaraan hotel, rumah rehat, inap desa, rumah kediaman, bangunan dan kerja-kerja utiliti awam;
- (o) kuasa dan kewajipan pegawai berhubung dengan menjalankan peruntukan Enakmen ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini;
- (p) prosedur yang akan diterima pakai oleh jawatankuasa-jawatankuasa semasa mesyuarat mereka dan saraan atau elaun yang perlu dibayar kepada ahli-ahlinya; dan
- (q) perkara-perkara lain yang difikirkan perlu oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi kawalan dan pengurusan Taman Negeri yang cekap atau untuk mencapai objektif Enakmen ini.

(2) Walau apa pun peruntukan dalam subseksyen (1) dan seksyen 12, semua peraturan-peraturan dan arahan-arahan Kerajaan Persekutuan dan Negeri hendaklah terpakai ke atas perjalanan Enakmen ini kecuali diputuskan sebaliknya oleh Pihak Berkuasa Negeri atau Perbadanan.

### **Pembubaran Perbadanan**

56. Apabila Perbadanan dibubarkan, aset Perbadanan hendaklah selepas semua liabiliti dijelaskan, dilupuskan mengikut apa-apa cara sebagai yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri:

Dengan syarat bahawa semua prosiding pembayaran dan perbuatan yang dipinda, dimulakan atau dibuat di bawah Enakmen yang telah dibatalkan di sini hendaklah berkuatkuasa bagi semua maksud seolah-olah bayaran, prosiding dan perbuatan sedemikian telah dibuat, dimulakan atau dibuat di bawah peruntukan Enakmen ini dan seolah-olah Enakmen ini telah berkuatkuasa.

JADUAL PERTAMA  
ENAKMEN PERBADANAN TAMAN NEGERI PAHANG  
SENARAI TAMAN NEGERI  
[seksyen 29]

<i>Bil.</i>	<i>Nama</i>	<i>Mukim/ Daerah</i>	<i>Luas</i>	<i>No. Pelan</i>	<i>No. Warta</i>	<i>Tarikh Kuatkuasa</i>
1	Taman Negeri Endau Rompin	Endau/ Rompin	31,797 HA	PW3443	358	9 Jun 2000

---

## HURAIAN

Rang Undang-Undang Perbadanan Taman Negeri Pahang ("Enakmen yang dicadangkan") bertujuan untuk menubuhkan Perbadanan Taman Negeri Pahang ("Perbadanan") dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

### BAHAGIAN I

1. Bahagian I memperkatakan perkara permulaan.
2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Enakmen ini.
3. *Fasal 2* mengandungi takrif perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Enakmen yang dicadangkan.

### BAHAGIAN II

4. Bahagian II memperkatakan mengenai Perbadanan.
5. *Fasal 3* bertujuan untuk menubuhkan Perbadanan.
6. *Fasal 4* memperkatakan mengenai keanggotaan Perbadanan manakala *Fasal 5* memperkatakan mengenai kehilangan kelayakan menjadi anggota Perbadanan.
7. *Fasal 6* memperkatakan mengenai meterai Perbadanan.
8. *Fasal 7* memperkatakan mengenai mesyuarat dan kuorum Perbadanan dan *Fasal 8* mengkehendaki anggota Perbadanan hendaklah dibayar apa-apa elau.
9. *Fasal 9* memperkatakan mengenai percanggahan kepentingan.

### BAHAGIAN III

10. Bahagian III mengatakan mengenai pegawai dan pekhidmat Perbadanan.

11. *Fasal 10* memperkatakan mengenai pelantikan Ketua Eksekutif Perbadanan dan tanggungjawabnya manakala *Fasal 11* memperkatakan mengenai pelantikan pegawai dan pekhidmat Perbadanan.
12. *Fasal 12* memberi kuasa kepada Perbadanan, dengan kelulusan Menteri Besar, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat perkhidmatan dan tata tertib pegawai dan pekhidmatnya.
13. *Fasal 13* melarang pegawai atau pekhidmat Perbadanan daripada menggunakan apa-apa maklumat yang diperolehi melalui kedudukannya sebagai pegawai atau pekhidmat Perbadanan untuk mendapatkan secara langsung atau tidak langsung sesuatu faedah yang tidak sepatutnya untuk dirinya atau untuk mana-mana orang lain atau untuk memudaratkan Perbadanan.
14. *Fasal 14* menyifatkan semua anggota Perbadanan, pegawai dan pekhidmat Perbadanan hendaklah dianggap sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan dan *Fasal 15* menyatakan bahawa Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198] hendaklah dipakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau perbicaraan terhadap Perbadanan.

#### BAHAGIAN IV

15. Bahagian IV memperkatakan tujuan dan kuasa Perbadanan.
16. *Fasal 16* menetapkan tujuan dan fungsi Perbadanan manakala *Fasal 17* memperkatakan mengenai kuasa am Perbadanan.
17. *Fasal 18* memberi kuasa kepada Perbadanan, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri untuk menubuhkan syarikat.
18. *Fasal 19* memperkatakan Perbadanan boleh menubuhkan jawatankuasa.

#### BAHAGIAN V

19. Bahagian IV memperkatakan mengenai perkara kewangan.
20. *Fasal 20* memperkatakan mengenai Penubuhan Kumpulan Wang Perbadanan dan mengenai perbelanjaan yang akan dikenakan ke atas Kumpulan Wang.

21. Fasal 21 menyatakan perbelanjaan dan penyediaan anggaran.
22. Fasal 22 memperkatakan mengenai aset yang tidak dibelanjakan Perbadanan manakala Fasal 23 memperkatakan pelaburan dan pinjaman.
23. Fasal 24 membenarkan aset Perbadanan boleh dilupus dengan persetujuan daripada Menteri Besar.
24. Fasal 25 menghendaki Perbadanan menyimpan akaun dan rekod lain yang sempurna mengenai transaksinya.
25. Fasal 26 menyatakan bahawa Menteri Besar boleh mengarahkan orang yang dilantik untuk menyiasat buku, akaun dan transaksi Perbadanan dan Fasal 27 menyatakan tahun kewangan dan akaun yang diaudit Perbadanan.
26. Fasal 28 menyatakan laporan tahunan Perbadanan.

#### BAHAGIAN VI

27. Bahagian VI memperkatakan mengenai penubuhan Taman Negeri.
28. Fasal 29 menyatakan bahawa Pihak Berkuasa Negeri boleh mengisytiharkan mana-mana kawasan sebagai Taman Negeri.
29. Fasal 30 membenarkan Perbadanan untuk memajak atau penggunaan Taman Negeri tertakluk kepada apa-apa fi, caj, syarat atau sekatan yang difikirkan patut dikenakan.

#### BAHAGIAN VII

30. Bahagian VII berkaitan dengan kuasa penguatkuasaan.
31. Fasal 31, 32, 33, 34 dan 35 memberikan kuasa untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini.
32. Fasal 36 adalah untuk memberi kuasa kepada mana-mana pegawai yang menjalankan siasatan di bawah Enakmen ini untuk diberikan akses data berkomputer.

33. *Fasal 37* memberikan kuasa kepada pegawai untuk menyita dan menahan apa-apa bahan, kenderaan, jentera, peralatan, buku, rekod, dokumen atau artikel dalam pelakuan kesalahan di bawah Enakmen ini.

34. *Fasal 38* memberikan kuasa kepada pegawai untuk menghentikan, mencari dan menyita kenderaan dengan sebab munasabah dan mempercayai kenderaan itu digunakan dalam pelakuan kesalahan di bawah Enakmen ini.

35. *Fasal 39* memperkatakan pegawai yang membuat penyitaan hendaklah memberi notis bertulis mengenai penyitaan kepada pemilik jika pemiliknya diketahui.

36. *Fasal 40* memberikan kuasa kepada pegawai atas budi bicaranya memulangkan sementara barang yang di sita.

37. *Fasal 41* memberikan kuasa kepada pegawai yang membuat siasatan mengkehendaki mana-mana orang yang mengetahui fakta dan keadaan kes untuk hadir. *Fasal 42* memberikan kuasa kepada pegawai untuk memeriksa secara lisan mana-mana orang yang sepatutnya mengetahui fakta dan keadaan kes.

38. *Fasal 43* memperkatakan kebolehterimaan keterangan oleh mana-mana orang kepada pegawai dalam proses penyiasatan di bawah Enakmen ini.

39. *Fasal 44* memberikan kuasa pelucutan hak Spesis Terjadual yang disita.

40. *Fasal 45* memberikan kuasa tambahan kepada pegawai untuk tujuan pelaksanaan Enakmen ini.

41. *Fasal 46* memberikan kuasa kepada Ketua Eksekutif untuk mengkompaun apa-apa kesalahan dengan keizinan Pendakwa Raya.

42. *Fasal 47* memperuntukkan tiada pendakwaan boleh dimulakan kecuali dengan persetujuan bertulis daripada Pendakwa Raya.

43. *Fasal 48* adalah peruntukan yang berkaitan dengan kesalahan yang dilakukan oleh suatu kumpulan orang.

44. *Fasal 49* adalah peruntukan dengan kesalahan yang dilakukan oleh pekongsi, wakil atau pekhidmat.

45. *Fasal 50* menyatakan kesalahan dan penalti di bawah Enakmen ini.
46. *Fasal 51* memberikan kuasa kepada pegawai untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah Enakmen ini.

#### BAHAGIAN VIII

47. Bahagian VIII adalah perkara pelbagai.
48. *Fasal 52* menyatakan perlindungan terhadap saman dan prosiding undang-undang terhadap mana-mana anggota atau pegawai Perbadanan termasuk pegawai yang diberi kuasa.
49. *Fasal 53* membenarkan Pihak Berkuasa Negeri untuk mengecualikan Perbadanan daripada apa-apa kadar, cukai, caj atau fi yang dikenakan atau boleh diperolehi semula oleh mana-mana pihak berkuasa tempatan di Negeri ini berkenaan dengan mana-mana harta yang dimiliki oleh Perbadanan atas apa-apa terma dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Negeri.
50. *Fasal 54* menyatakan Perbadanan yang ditubuhkan di bawah Enakmen ini hendaklah dianggap sebagai Melayu.
51. *Fasal 55* menyatakan Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat peraturan-peraturan bagi kawalan dan pengurusan Taman Negeri yang cekap atau untuk mencapai objektif Enakmen ini.
52. *Fasal 56* menyatakan bahawa aset Perbadanan hendaklah selepas semua liabiliti dijelaskan, dilupuskan mengikut cara yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri apabila Perbadanan dibubarkan.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan geran awal pengoperasian sebanyak RM2,000,000.00 dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri dan geran tahunan selama 10 tahun yang akan ditentukan selepas penubuhan, tertakluk kepada kemampuan Perbadanan untuk menjana pendapatan, menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri.

[SUKPHG-2.600-3/7/4 Jld.2 (24);PUN.PHG/D/100/26/45]